

## Kompetensi Dan Kebolehpasaran Pelajar Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis: Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri

*(Competency And Marketability Of Faculty Of Islamic Studies' Students, Kolej Universiti Islam Perlis: A Survey Of The Students' Perception While Undergoing Industrial Training)*

**Azhan Taqiyaddin Arizan**

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

E-mail: azhan@kuips.edu.my

**Mariyah Ishak**

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

E-mail: mariyah@kuips.edu.my

**Nurul Husna Mat Isa**

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

E-mail: nurul.husna@kuips.edu.my

**Article  
Progress:**

**Submission date:**

01-12-2023

**Accepted date:**

20-12-2023

**ABSTRACT**

*This study aims to examine students' perception in undergoing industrial training as a career preparation to meet the competency and marketability of Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). The study aims to be the main mould that needs to be shaped according to the current career aspects of the industry. Graduates should have the competence and skills in their careers to increase their competitiveness and abilities. University play a role in producing skilled graduates and possess human capital as graduates' personal potential in preparing for their career to meet the needs of the industry. This study is a quantitative study that uses questionnaire as the research instrument. A survey was conducted on 16 industries from various sectors as well as the same number of respondents; 16 students from 6 different programs of study at the Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis in the February 2022 session. The questions that were asked revolved around significant levels related to the level of achievement and the current needs of the students undergoing industrial training. The results of this survey found that there are several aspects of the course that need to be added or improved during the student's period of study in order to meet the criteria of the industry. In addition, a percentage of 81.3% on the scope of tasks and 93.8% on the career-related exposure given by the industry to students as evidence of the initial preparation required in the career realm is closely related to the student's field of study. Furthermore, the industry's demand for students to*

*have digital skills should be provided by the Faculty of Islamic Studies, KUIPs. The results of the study also showed that the industrial training program in the final semester of the study has a good impact on the personality and ethics that are shown based on soft skills, as well as the applied human capital during students' industrial training has given a positive impact on the marketability of KUIPs Faculty of Islamic Studies students.*

**Keywords:** Competency, marketability, students, KUIPs, Faculty of Islamic Studies, skills, industry, graduates.

## PENGENALAN

Keperluan melahirkan pekerja yang berkemahiran tidak boleh diabaikan kerana hal ini bertepatan dengan perancangan sistem pendidikan negara. Keperluan latihan yang terbaik perlu disediakan bagi melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam pelbagai bidang pekerjaan. Tenaga kerja yang mahir menjadi keperluan kepada industri semasa bagi sesebuah negara. Oleh itu, aspek kemahiran dan kompetensi perlu diberi penekanan sejajar dengan perkembangan pendidikan dan teknologi negara dalam industri dari semasa ke semasa. Latihan Industri yang berteraskan pendidikan dan kemahiran seharusnya dipertingkatkan melalui proses praktikal sebenar yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kecekapan di alam kerjaya.

Institusi pengajian tinggi memainkan peranan utama yang penting dalam menghasilkan pelajar yang berpotensi serta berdaya saing mengikut arus industri semasa. Oleh yang demikian, pihak universiti di Malaysia haruslah mempunyai hasrat serta bertanggungjawab bagi menghasilkan pelajar yang bertepatan dengan kehendak industri. Hal ini adalah kerana latihan industri merupakan platform yang mengintegrasikan ilmu dari sudut akademik mahupun teknikal melalui pengetahuan teori serta persekitaran alam kerjaya sebenar. Justeru, latihan industri berperanan menjadi tempat untuk melatih pelajar daripada institusi pengajian tinggi bagi membentuk tenaga kerja yang mahir dalam industri semasa. Pendedahan awal kepada pelajar amat penting dalam mendedahkan konsep sebenar alam kerjaya yang bakal ditempuh oleh pelajar selepas tamat pengajian.

Selain itu, daripada pihak industri, latihan dan skop tugas yang diberikan akan membantu pihak institusi pengajian tinggi dengan penerapan pelbagai kemahiran serta pendedahan awal kepada pelajar sebelum menempuh alam kerjaya. Hal ini disokong dengan kajian oleh Nurul Aisah (2011) menyatakan bahawa pihak majikan akan membantu pelajar dari aspek usaha menyesuaikan diri dengan kerjaya industri semasa. Di samping itu, latihan industri menjadi jambatan kepada graduan yang layak ditempatkan sebagai pekerja di organisasi berkenaan. Pelajar yang menampilkan keupayaan diri dalam melakukan tugas akan menjadi rebutan industri. Anida Mohd Jelani (2011) membuktikan latihan praktikal dapat meningkatkan kebolehkerjaan seseorang pelajar dalam sesebuah institusi pengajian tinggi. Perubahan dan pembangunan teknologi negara dapat dilihat melalui latihan industri di samping melengkapi kecekapan, kebolehan dan pengetahuan yang bakal pelajar ceburi. Peluang merasai keadaan industri sebenar dengan lebih dekat dapat melahirkan satu generasi yang berkemahiran, berpengetahuan semasa, berteknologi dan pengurusan dalam pelbagai peringkat.

Selain itu, kemahiran yang baru dapat dijana kepada pelajar melalui latihan industri. Ini menunjukkan bahawa dalam memantapkan sesuatu kemahiran yang bertepatan dengan industri semasa haruslah melalui program latihan industri yang disediakan oleh pihak universiti pada akhir

semester. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan latihan industri ini, seperti tugasan yang diberikan tidak berkaitan dengan bidang dan tiada elaun disediakan (Intan & Aina, 2018; Sariwati & Mazanah, 2010), kekurangan maklumat yang disalurkan oleh pihak majikan industri (Intan & Aina, 2018), objektif dan hala tuju program yang tidak jelas (Mohd Hazwan, 2018) serta penginapan dan pengangkutan memberikan kesan motivasi kepada pelajar berkenaan (Sariwati & Mazanah, 2010). Hal ini akan diselesaikan dengan kajian ini supaya dapat membentuk pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi selari dengan bidang pengajian serta kehendak Industri semasa.

### **Permasalahan Kajian**

Terdapat pelbagai isu yang timbul dalam pengurusan latihan industri dan institusi pengajian dalam menangani masalah pengangguran masa kini. Perkara yang paling utama adalah pelajar seharusnya dibekalkan mengikut kehendak dan keperluan industri semasa mengikut peredaran zaman dalam kepelbagaian sektor dan bidang pengajian. Oleh itu, latihan industri yang sesuai dengan bidang pengajian perlu dibekalkan dengan kemahiran dan modal insan yang bertepatan dengan pekerjaan. Kesilapan memilih tempat latihan industri bakal memberikan masalah kepada para pelajar. Salas et al. (2012) menegaskan bahawa bagi membolehkan pelajar berkebolehpasaran, pelajar perlu dibekalkan dengan satu persekitaran yang positif bagi membolehkan pelajar mengimplementasi apa yang telah dipelajari daripada universiti dalam latihan industri seterusnya meningkatkan keberkesanan industri.

Sharifah et al. (2015) menjelaskan peluang untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran akademik ketika alam pekerjaan menjadi objektif utama latihan industri dijalankan. Oleh itu, bagi meningkatkan kualiti latihan industri, kajian ini memberikan tumpuan terhadap persepsi majikan ke atas kemahiran yang dimiliki oleh graduan. Latihan industri menetapkan bahawa para pelajar ditempatkan di sesebuah organisasi yang dipilih di Malaysia untuk menjalankan latihan praktikal, sama ada di dalam negara maupun di luar negara, dalam jangka masa yang telah ditetapkan oleh sesebuah universiti sebelum dianugerahkan sekalung sijil meliputi peringkat sijil, diploma atau ijazah. Aspek kecemerlangan graduan tidak lagi hanya berpandukan kepada pencapaian peperiksaan, malah merangkumi keseluruhan aspek akademik, potensi, personaliti, khidmat serta praktikal dalam industri semasa di alam kerjaya masa kini.

Dalam melahirkan pekerja yang berkualiti dan berdaya saing, penyelidik ingin mengenal pasti persepsi terhadap kemahiran dan kebolehpasaran semasa pelajar menjalani latihan industri. Selain itu, penyelidik juga menyenaraikan kemahiran yang diperlukan oleh industri kepada pelajar untuk diaplikasi di alam kerjaya. Penyelidik juga ingin mengenal pasti persepsi majikan terhadap kebolehan pelajar dari segi aplikasi kemahiran digital, insaniah dan modal insan yang dipelajari semasa menjalani latihan industri secara keseluruhan. Pemilihan tempat industri juga memainkan peranan yang penting dalam memotivasi pelajar dan membantu dari aspek kemahiran yang diperlukan dalam industri. Oleh yang demikian, pemilihan industri yang baik dan cemerlang seharusnya dititikberatkan oleh pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia kerjaya selepas tamat belajar. Sharifah Hana et al. (2015) juga menyatakan tahap kepuasan majikan daripada pihak industri berdasarkan kepada aspek penguasaan ilmu, sahsiah, kemahiran insaniah, kemahiran bekerja dan etika profesional dan moral. Justeru, terdapat rungutan dan komen daripada majikan berkenaan dengan pelajar tidak kompeten seperti tidak dapat berfikir secara kritis, tidak mampu menyelesaikan masalah, dan mempunyai masalah komunikasi.

Oleh yang demikian, persediaan graduan di peringkat institusi terutama bidang Pengajian Islam dalam memenuhi keperluan industri yang mendapat permintaan tinggi dalam dunia kerjaya pada masa kini menjadi objektif kajian ini dijalankan. Institusi dan industri seharusnya menitikberatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan pada semester akhir pengajian dengan dibekalkan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal insan serta aspek-aspek yang memenuhi kehendak industri bagi menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang menjadi keperluan pelajar dalam memenuhi kehendak industri bagi kebolehpasaran graduan Kolej Universiti Islam Perlis. Selain itu, penerokaan dari segi aspek pengajian, kemahiran dan modal insan terhadap pelajar akan menjana graduan yang berkompetensi dalam dunia kerjaya mengikut arus semasa keperluan industri. Oleh itu, persepsi pelajar akan menjadi objektif utama bagi kesesuaian tempat menjalani latihan industri dan kebolehpasaran bagi pelajar graduan Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis.

### KAJIAN LITERATUR

Kajian lepas menunjukkan bahawa latihan industri merupakan salah satu komponen dalam silibus kurikulum pendidikan tinggi yang akan menggalakkan pemikiran kritis dan dapat memberi pendedahan dalam persekitaran kerjaya yang sistematik. Latihan industri di peringkat institusi pengajian tinggi merupakan satu program yang menjadi teras utama dalam sistem pendidikan semasa kerana program tersebut diharapkan dapat memenuhi harapan dan keperluan majikan atau industri. Oleh yang demikian, pihak industri menggunakan latihan industri sebagai medium untuk merekrut pekerja yang berpengalaman untuk masa hadapan, dan disokong oleh Nduro et al. (2015) yang menyatakan bahawa syarikat lebih cenderung untuk mengupah pekerja berdasarkan pengalaman kerja.

Program latihan industri juga akan menghubungkan pengetahuan teori yang telah dipelajari di dalam kuliah dengan kemahiran praktikal yang diperolehi daripada persekitaran komersial. Latihan industri dapat membantu pelajar mengenal pasti kemahiran pekerjaan dan membolehkan mereka mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan peluang penawaran pekerjaan selepas bergraduasi. Keupayaan dalam pekerjaan atau kebolehpasaran juga bergantung kepada kapasiti individu untuk memperoleh pekerjaan dalam pasaran kerja yang kompetitif (Jalani et al., 2017). Para pelajar yang menjalani latihan industri dengan cemerlang mempunyai potensi yang tinggi untuk diserap bekerja selepas selesai menjalani latihan industri. Para graduan boleh menggunakan kesempatan semasa menjalani latihan industri untuk menarik perhatian majikan dengan menjalankan tugas yang terbaik semasa latihan bagi tujuan masa hadapan kerjaya mereka.

Selain itu, program latihan industri berkesan dalam memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu pihak organisasi dan pelajar. Latihan industri membantu institusi pendidikan untuk mengenal pasti ketidaksesuaian antara kursus atau kurikulum yang ditawarkan dan pengalaman pihak industri dalam praktikal yang diperoleh melalui maklum balas pelajar. Mengenal pasti ketidaksesuaian kursus atau kurikulum akan membantu para pendidik untuk mengkaji semula kurikulum latihan industri yang memenuhi keperluan dan jangkaan pihak industri. Pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh pelajar daripada sesi latihan industri adalah tidak terhad, serta mengajar proses dan seni pembelajaran, di samping membolehkan mereka memperbaiki keterampilan dan pengetahuan mereka (Seyitoğlu & Yirik, 2015).

Tidak dinafikan terdapat beberapa isu dan kelemahan dalam pelaksanaan latihan industri seperti tugas yang diberikan tidak berkaitan dengan bidang dan tiada elau yang disediakan (Intan & Aina, 2018; Sariwati & Mazanah, 2010). Isu tugas yang tidak menepati dengan bidang pelajar berpunca daripada kelemahan pemahaman oleh pihak industri. Dalam menangani isu tugas yang diberikan oleh pihak industri yang tidak berkaitan dengan kursus atau kurikulum, terdapat sedikit perbezaan pandangan mengenai kompetensi pelajar antara penyelia majikan dengan penyelia institusi dan hal ini secara tidak langsung menunjukkan penyeliaan daripada pihak institusi juga diperlukan (Noor Azland Jainudina et al., 2015). Selain itu, isu kekurangan maklumat yang disalurkan oleh pihak pengurusan latihan praktikal (Intan & Aina, 2018), objektif dan hala tuju program yang tidak jelas (Mohd Hazwan, 2018) serta penginapan dan pengangkutan memberikan kesan terhadap motivasi pelajar berkenaan (Sariwati & Mazanah, 2010).

Pencapaian akademik yang baik juga dapat menjamin graduan itu memperolehi pekerjaan serta kebolehpasaran graduan melalui kemahiran modal insan yang terbaik merupakan salah satu kriteria untuk mendapat pekerjaan (Amankwah-Amoah et al., 2016; Hayek et al., 2016; Starr et al., 2018). Oleh yang demikian, kemampuan graduan yang telah bekerja juga bergantung kepada beberapa faktor, seperti kemahiran praktikal yang diterima semasa mereka berada di institusi pendidikan tinggi. Graduan yang akan bekerja ini perlu mempunyai kebolehupayaan melakukan kerja dalam sesuatu masa. Pembinaan kemahiran insaniah untuk menghadapi alam kerjaya amat penting bagi memastikan sesuatu keputusan dapat dibuat dengan yakin (Zahari & Omar, 2021). Kemahiran-kemahiran seperti berfikiran kritis, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, berkepimpinan serta dapat menyelesaikan masalah merupakan aspek utama yang diperlukan oleh majikan (Zakaria et al., 2017). Graduan masa kini perlu lebih mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif, menganalisis, berimajinasi, menerokai, mempelopori, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah. Menurut Md Sabil et al. (2021) terdapat beberapa cara pengajar yang boleh membentuk interaksi yang efektif antara pelajar di dalam bilik kuliah.

Kajian lepas yang dilakukan oleh Muhammad, Norinsan, Irman, Faizal & Zalita (2016) menjelaskan berkenaan keberkesanan pelaksanaan sistem latihan amali yang menunjukkan kesan positif serta memuaskan dalam memenuhi kriteria keyakinan dan keberkesanan bagi sesebuah institusi pengajian. Latihan industri turut memberi perubahan yang positif dalam diri graduan dari aspek aplikasi ilmu, emosi, intelektual, karakter yang akan memberi manfaat di alam kerjaya kepada graduan biasa mahupun orang kurang upaya (Najah & Hamdi, 2017). Institusi pengajian tinggi berperanan menghasilkan graduan yang mempunyai kepelbagaian kemahiran selaras dengan kehendak industri semasa. Hal ini akan menyelesaikan masalah pengangguran graduan yang membimbangkan berdasarkan statistik jumlah sehingga tahun 2017, sebanyak 20.9 peratus graduan masih belum mendapat pekerjaan. Keadaan ini menunjukkan berlakunya persaingan yang sengit untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi (Dzia-Uddin, 2020).

Kebolehpasaran dengan kemahiran lain juga diperlukan sebagai penglibatan atau nilai tambah kepada pelajar lebih meluas merentasi fakulti dan bidang pengajian. Khadija, Nur & Norsyafiqah (2019) menyatakan kemahiran lain mampu memenuhi padanan di alam kerjaya dan jaringan industri yang lebih efektif. Walaubagaimanapun, Mesheta & Norazah (2020) menekankan persepsi majikan terhadap kemahiran pelajar juga menunjukkan hubungan yang lemah terhadap graduan masa kini menyebabkan wujudnya keperluan meningkatkan kemahiran para pelajar secara berterusan, di samping pendedahan teknologi terkini mengikut kehendak industri semasa. Namun yang demikian, masih wujud kebimbangan kepada pelajar, sejauh mana graduan berpuas hati dengan tempat dan kaedah latihan industri yang dilalui. Kepuasan latihan industri juga berperanan

terhadap kebolehgajian graduan selepas tamat pengajian (Omar et al., 2017). Penggunaan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di universiti boleh merangsang motivasi graduan serta mempengaruhi keberkesanan sesebuah industri (Siti, 2018). Hal ini menunjukkan kualiti perkhidmatan institusi pengajian tinggi mempunyai hubungan terhadap kebolehgajian atau kebolehpasaran sewajarnya kepada pelajar bagi memenuhi keperluan industri semasa (Asrin & Abdul, 2019).

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik yang disediakan oleh pihak penyelidik dengan kerjasama pihak Latihan Industri dan Alumni Kolej Universiti Islam Perlis (ITAC). Bagi memastikan kesahan borang soal selidik ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas 16 orang pelajar yang didaftarkan oleh Pihak Latihan Industri Kolej Universiti Islam Perlis pada sesi Februari 2021/2022. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi Responden (Maklumat Pelajar)

Bahagian B: Kajian Terhadap Persepsi Pelajar Fakulti Pengajian Islam KUIPs Semasa Menjalani Latihan Industri mengikut aspek:

1. Kesesuaian dan skop tugas tempat latihan industri
2. Penguasaan imu
3. Kemahiran digital
4. Kemahiran insaniah
5. Modal insan dan keperibadian

Soal selidik ini mengandungi 11 soalan yang diedarkan kepada pelajar Kolej Universiti Islam Perlis semasa latihan industri dijalankan dan semasa sesi penyeliaan. Instrumen soal selidik ini mengukur elemen-elemen seperti kesepadan tempat menjalani latihan industri berdasarkan bidang pengajian, kursus atau mata pelajaran, penggunaan kemahiran teknologi digital, keperibadian dan profesional, pendedahan kriteria graduan yang berkompetsensi diperlukan oleh pihak industri dan berdaya saing dalam sektor kerjaya.

Kesepadan tempat menjalani latihan industri berdasarkan bidang pengajian pelajar yang telah didaftarkan oleh pelajar di Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis dari segi struktur operasi, organisasi, prosedur, skop tugas dan polisi yang memenuhi aspek kerjaya yang sepadan di tempat latihan industri. Selain itu, kursus atau mata pelajaran pula dinilai melalui tahap penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran yang diambil semasa sesi pengajian dan pembelajaran serta penambahbaikan kursus yang perlu bagi memenuhi kriteria pihak industri.

Seterusnya elemen penggunaan kemahiran teknologi digital dinilai melalui penggunaan perkakasan dan perisian ICT dan beretika (Hazilah et al. 2013). Penggunaan perisian digital di analisis mengikut jenis perisian ICT yang menjadi keperluan tempat industri tersebut. Selain itu, elemen keperibadian dan profesional ditunjukkan melalui analisis kemahiran insaniah dan modal insan yang diberikan oleh pelajar semasa menjalani latihan industri dan yang diperlukan oleh pihak industri. Kriteria elemen graduan yang berkompetsensi diperlukan oleh pihak industri yang berdaya

saing dalam sektor kerjaya dianalisis berdasarkan kesan menjalani latihan industri oleh pelajar, pendedahan dari segi aspek kerjaya oleh pihak industri yang dilengkapi dengan moral dan etika menjadikan kebolehpasaran pelajar tersebut.

Populasi kajian melibatkan 16 pihak industri serta terdiri daripada 16 orang pelajar Fakulti Pengajian Islam yang menjalani latihan industri. Menurut Chua (2009), perkara yang penting adalah ujian statistik menunjukkan dapatan adalah bertaburan normal dalam sesuatu kajian serta memadai 15 orang untuk sesuatu kumpulan populasi kajian. Kajian ini menggunakan 16 orang pelajar yang menjalani latihan industri pada semester Februari 2021/2022 sebagai sampel kajian yang dipilih mengikut penawaran kursus bagi Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Perlis.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan menunjukkan bilangan program yang terlibat adalah sebanyak tiga program pengajian di Fakulti pengajian Islam iaitu Diploma Syariah, Diploma Bahasa Arab, dan Diploma Pengajian Islam yang merangkumi 16 orang pelajar yang telah menjalani latihan industri dengan peratusan sebanyak 68.8% mewakili pelajar lelaki dan 31.3% mewakili pelajar perempuan. Selain itu, pelajar telah mendaftar sebanyak 16 tempat menjalani latihan industri dalam Malaysia seperti Jadual 1 di bawah.

No	Nama Institusi	Jumlah Pelajar Terlibat
1	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	1
2	Andaman SM Enterprise	2
3	Pejabat Agama	1
4	Jabatan Kehakiman Syariah Perlis	1
5	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis	1
6	Al-Itqan <i>Wealth Resources</i>	1
7	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)	1
8	Kafa Al Amin	1
9	Sekolah Agama Al-Islahiyyah (Menengah)	1
10	Abim Ranau	2
11	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (Keningau)	1
12	Al-Fasoha <i>Academy of Arabic</i>	1
13	Maahad Tahfiz Negeri Pahang	1
14	Pejabat Agama Jajahan Bachok	1

**Jadual 1**

Berdasarkan Jadual 1, pelajar telah memberi maklum balas sebanyak 93.8 peratus mewakili 15 orang pelajar menyatakan bahawa tempat menjalani latihan industri adalah bersesuaian dengan bidang pengajian mereka termasuklah kursus atau mata pelajaran. Namun begitu, terdapat seorang pelajar menyatakan bahawa tempat beliau menjalani latihan industri adalah tidak bersesuaian dengan bidang pengajiannya. Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan beberapa kursus yang perlu ditambah bagi memenuhi keperluan industri di tempat mereka menjalani latihan industri. Kursus psikologi mencatat peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 12.6%, manakala kursus-kursus lain seperti multimedia, videografi, fotografi dan lain-lain mencatat peratusan yang sama iaitu sebanyak 6.3% mewakili seorang pelajar bagi setiap kursus.

Bil	Kursus Perlu Ditambah	Peratus (%)	Jumlah responden
1	Multimedia	6.3	1
2	Videografi	6.3	1
3	Fotografi	6.3	1
4	Pengurusan Kerja	6.3	1
5	Komunikasi	6.3	1
6	Psikologi	12.6	2
7	Dakwah	6.3	1
8	Pedagogi	6.3	1
9	Syariah & Undang-undang	6.3	1

**Jadual 2**

Seterusnya, pihak Fakulti Pengajian Islam juga perlu bertanggungjawab dalam menilai dan memurnikan kursus-kursus yang sedia ada pada setiap program pengajian. Pelajar juga memberi respon berkaitan kursus atau mata pelajaran sedia ada yang perlu ditambah baik oleh pihak Kolej Universiti Islam Perlis bagi memenuhi keperluan tempat latihan industri seperti Jadual 3 di bawah:

Bil	Kursus
1	Akaun
2	Fiqh Munakahat
3	<i>Arabic Communication</i>
4	Metodologi Dakwah
5	Muamalat
6	Bahasa Arab
7	Multimedia

**Jadual 3**

Selain itu, pendedahan kemahiran digital juga perlu diberi penekanan dan menjadi teras pengajian oleh Pihak Kolej Universiti Islam Perlis bagi membolehkan pelajar tersedia dengan era global berteknologi tinggi. Pelajar turut menyatakan pandangan berkenaan kemahiran digital yang perlu dikuasai bagi memenuhi kehendak tempat latihan industri seperti yang terdapat di dalam Jadual 4:

Bil	Kemahiran Digital	Peratus (%)	Jumlah responden
1	<i>Microsoft Office (Word)</i>	75	12
2	<i>Microsoft Office (Excel)</i>	81.3	13
3	<i>Microsoft Office (Powerpoint)</i>	81.3	13
4	<i>Adobe Photoshop</i>	25	4
5	<i>Editing Video</i>	18.8	3
6	Canva	18.8	3

**Jadual 4**

*Microsoft Office (Excel)* dan *Microsoft Office (Powerpoint)* yang mencatatkan jumlah peratusan tertinggi iaitu sebanyak 81.3%, diikuti dengan *Microsoft Office (Word)* (75%) dan *Adobe Photoshop* (25%). Manakala peratusan terendah adalah kemahiran mengedit video dan Canva iaitu masing-masing sebanyak 18.8%. Peratusan keseluruhan daripada jadual di atas menggambarkan bahawa kemahiran digital para pelajar Fakulti Pengajian Islam agak lemah dan perlu diterapkan beberapa kursus digital sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, antara objektif utama latihan industri adalah untuk mendedahkan pelajar ke alam kerjaya yang sebenar yang bukan sahaja dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan bahkan menitikberatkan kemahiran insaniah yang perlu ditonjolkan. Justeru, kajian ini turut mengkaji persepsi pelajar ke atas kemahiran yang diperlukan pihak industri bagi memenuhi kehendak pasaran kerjaya.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, seramai 16 orang pelajar Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) telah memberi maklumbalas bagi modal insan yang telah mereka tunjukkan sepanjang menjalani Latihan Industri di tempat masing-masing seperti berikut:

Bil	Kemahiran Insaniah	Peratus (%)	Jumlah Responden
1	Menepati waktu	81.3	13
2	Semangat	93.8	15
3	Sabar	87.5	14
4	Bertanggungjawab	93.8	15
5	Amanah	81.3	13
6	Bertolak ansur	68.8	11
7	Pendiam	6.3	1
8	Mendengar arahan	93.8	15
9	Memberi pandangan baru	37.5	6

Jadual 5

Jadual 5 menunjukkan menunjukkan kemahiran insaniah yang paling tinggi ditunjukkan oleh para pelajar adalah semangat, bertanggungjawab dan mendengar arahan (93.8%), seterusnya diikuti oleh sikap sabar (87.5%), amanah serta menepati waktu (81.3%), bertolak ansur (68.8%) dan memberi pandangan baru (37.5%). Manakala peratusan terendah adalah dari sudut komunikasi iaitu pendiam (6.3%). Selain itu, pelajar turut memberi maklumbalas terhadap kemahiran insaniah yang diperlukan bagi memenuhi kehendak industri, seperti yang terdapat di dalam Jadual 6:

Bil	Modal Insan	Peratus (%)	Jumlah Responden
1	Komunikasi	93.8	15
2	Penyelesaian masalah	87.5	14
3	Kepimpinan	81.3	13
4	Bekerja dalam kumpulan	62.5	10
5	Pemikiran kritis	37.5	6
6	Keusahawanan	25	4
7	Kemahiran Matematik	18.8	3

Jadual 6

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan kemahiran insaniah lain yang diperlukan ialah kemahiran berkomunikasi (93.8%), penyelesaian masalah (87.5%), kepimpinan (81.3%), bekerja dalam kumpulan (62.5%), pemikiran kritis (37.5%), keusahawanan (25%) dan yang terendah ialah kemahiran matematik (18.8%). Walaubagaimanapun, pada akhir hasil kajian, didapati bahawa 93.8% respons pelajar menyatakan pihak majikan industri telah mendedahkan pengetahuan yang meluas sebagai persediaan kepada pelajar ke alam kerjaya. Hal ini akan memberikan impak positif kepada kebolehpasaran graduan Fakulti Pengajian Islam Perlis (KUIPs)

pada masa akan datang. Keseluruhan respon pelajar 100% telah menyatakan bahawa program latihan industri pada semester akhir pengajian memberi impak yang baik sebagai persediaan sebelum ke alam kerjaya setelah tamat pengajian.

## KESIMPULAN

Hasil kajian ini membawakan perbincangan yang komprehensif mengenai penghasilan graduan oleh Fakulti Pengajian Islam KUIPs yang mencapai tahap kompetensi dan kebolehpasaran semasa serta mengikut keperluan industri. Penemuan kajian ini sudah pasti membawa satu dimensi yang baru kepada pelajar dan pengurusan akademik Fakulti Pengajian Islam KUIPs, dan menjadi keperluan kepada perbincangan pada masa akan datang dalam meneraju kebolehpasaran dan perkembangan graduan bertaraf universiti. Justeru, secara tidak langsung hasil kajian ini membawa sumbangan kepada pengetahuan dan penstrukturran baru keperluan yang perlu diterapkan kepada pelajar terutama dalam bidang pengajian Islam.

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis secara komprehensif berkaitan penghasilan graduan oleh Fakulti Pengajian Islam KUIPs yang mencapai tahap kompetensi dan kebolehpasaran serta mengikut keperluan industri semasa. Justeru, dijangkakan hasil kajian ini membawa impak yang signifikan terhadap masyarakat, ekonomi, akademik dan negara. Impak positif terhadap masyarakat adalah dapat meningkatkan modal insan dalam kalangan masyarakat yang berdaya saing dalam dunia kerjaya. Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi pelajar terhadap kemahiran kebolehkerjaan pelajar Fakulti pengajian Islam KUIPs semasa menjalani latihan industri berdasarkan aspek akademik, kemahiran teknologi serta kemahiran insaniah adalah sangat baik. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Islam mampu memenuhi keperluan pasaran dan kehendaki industri.

Selain itu, hasil kajian ini boleh meningkatkan kesedaran banyak pihak berkaitan kemahiran-kemahiran yang ada dalam industri, yang turut memberi impak kepada peningkatan ekonomi apabila masyarakat Islam secara amnya memenuhi kriteria industri selepas tamat pengajian di universiti. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan tahap pengangguran serta membawa perkembangan yang baik terhadap sektor ekonomi. Demikian juga kesesuaian tempat menjalani latihan industri akan memberi kesan yang positif terhadap pengurusan akademik apabila dapat menyumbang pengetahuan baru dan kemahiran kepada pelajar Fakulti Pengajian Islam Perlis. Kesemua impak positif ini secara tidak langsung mempengaruhi aspek kelestarian negara bagi tempoh masa yang panjang.

## RUJUKAN

- Impak, S. & Mustapha, H.A. (2020). Perspektif Majikan Terhadap Keupayaan Pelajar Dalam Menunjukkan Kemahiran Praktikal Secara Berkesan Dalam Persekutaran Kerja Global. ANP Journal Of Social Sciences And Humanities, 1(1), 39-43. DOI: <Https://Doi.Org/10.53797/Anpjssh.V1i1.7.2020>
- Intan Fatimah Sasila & Aina Suriani Mahmood. (2018). The Problem Faced By Unikl Miat Students During On Job Training (OJT) - Students And Industrial's Perspectives. *Proceedings of 56th The IRES International Conference*. Kuala Lumpur, Malaysia
- Ismail, M.H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah Di Malaysia: Tinjauan Dari Perspektif Majikan. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII, 2(2012), 906-913.
- Jalani, J., Norjali, R., Mashori, S., & Sadun, A. S. (2017). Effectiveness Of The Structured Internship Program For Engineering Technology Students In University Tun Hussein Onn Malaysia. Advanced Science Letters, 23(9).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi). Kementerian Pendidikan Malaysia., 2025(1), 1-240.
- Khadijah A., Nur H. H., Norsyafiqah F. (2019) Latihan Industri Berpaksikan Vokasional Penjagaan Warga Emas Dalam Kursus Kerja Sosial Gerontologi, FSSK, UKM Industrial Trainninga Focused On Vocational Senior Citizen Care In Gerontology Social Work Course FSSK, UKM, ISSN: 1985-5826, AJTLHE Vol.11 No.1, June 2019, 48-58
- Maskiran, K.B. & Ramli, N.A. (2018). Cabaran Dalam Menghadapi Dunia Pekerjaan: Perspektif Majikan Terhadap Graduan Kolej Komuniti. Human Sustainability Procedia, INSAN 2018 E-Prosiding, 302-313.
- Md Sabil, A., Jamian, A. R., Othman, S., Said, R. R., Sulaiman, T., & Aminuddin, Z. N. (2021). Penerapan Kemahiran Insaniah Bagi Domain Afektif Kemahiran Komunikasi, Sepanjang Hayat, Sosial Dan Kepimpinan Untuk Kemenjadian Siswa Universiti. Pendeta: Journal Of Malay Language, Education And Literature, 12(1), 105- 119. DOI: <Https://Doi.Org/10.37134/Pendeta.Vol12.1.8.2021>
- Mesheta M.N., Norazah A. (2020) Persepsi Majikan Terhadap Pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa Menjalani Latihan Industri, BITARA International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences, Volume 3, Issue 4, 2020: 026-035
- Mohamad, N. H., Ibrahim, B., & Selamat, A. (2019). Penerapan Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris Menerusi Kursus Badan Beruniform Palapes UTHM. Online Journal For TVET Practitioners, 4(2), 58-71. DOI: <Https://Doi.Org/10.30880/Ojtp.2019.04.02.007>
- Mohd Hazwan Mohd Puad. (2018). Obstacles To Employability Skills Training Programs In Malaysia From The Perspectives Of Employers', Educators' And Graduates' Perspective. International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences, 8(10), 952- 972.
- Najah N. A., Hamdi I, (2017) Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI UKM, Jurnal Al-Turath; Vol. 2, No. 1; 2017,E-ISSN 0128-0899
- Nduro, K., Anderson, I. K., Peprah, J. A., & Twenefour, F. B. K. (2015). Industrial Training Programmes of Polytechnics in Ghana: The Pertinent Issues. *World Journal of Education*, 5(1).
- Noor Azland Jainudina, Lannie Francisb, Rudy Tawiec, Jamil Mataruld.(2015). Competency Of Civil Engineering Students Undergone Industrial Training: Supervisors' Perspectives. Procedia - Social AndBehavioral Sciences, 167 (2015), 245 - 249.

- Nurul Aisah Mohd Noor. (2011). *Kesan Latihan Industri Terhadap Pengukuhan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Terknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)* (Tesis Sarjana). Dicapai dari [http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp2/p\\_2011\\_10071\\_bc55c8583af548bb96083e92585013ef.pdf](http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp2/p_2011_10071_bc55c8583af548bb96083e92585013ef.pdf)
- Razzian Mat Razali, Rasmuna Hussain Dan Ahmad Khairunizam (2017): Laporan Kajian Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan Dan Fungsi Kolej Komuniti, Politeknik & Kolej Komuniti Journal Of Life Long Learning, Vol.1
- Renganathan, S., Ambri Bin Abdul Karim, Z., & Su Li, C. (2012). Education + Training Students' Perception Of Industrial Internship Programme Students' Perception Of Industrial Internship Programme. *Education + Training Career Development International*, 54(1), 180-191.
- Salas, E., Tannenbaum, S. I., Kraiger, K., & Smith-Jentsch, K. A. (2012). The Science Of Training And Development In Organizations: What Matters In Practice. *Psychological Science In The Public Interest, Supplement*, 13(2), 74-101. <Https://Doi.Org/10.1177/1529100612436661>
- Sariwati Mohd Shariff & Mazanah Muhamad. (2010). Learning in an Industrial Practicum Training Program: A Case Study in a Public University in Malaysia. *World Applied Sciences Journal* 11 (11), 1361- 1368
- Seyitoğlu, F., & Yirik, S. (2015). Internship Satisfaction Of Students Of Hospitality And Impact Of Internship On The Professional Development And Industrial Perception. *Asia Pacific Journal Of Tourism Research*, 20, 1414-1429.
- Shahrir A., Norhamidi M., Riza A. Et Al (2020) Penilaian Objektif Dan Hasil Program Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE): Soal Selidik Majikan Industri Dan Alumni, AJTLHE, Vol.1, No. 2, 1-8, ISSN: 1985-5826
- Sharifah Hana, A. R., Zaini Yusnita, M. J., Rabi'ah, M. S., & Maffuza, S. (2015). Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. Icasic2015 (E-ISBN 978-967-0792-02-6).
- Sidik, I.F., Awang, M.M., & Ahmad, A. R. (2020). Keterlibatan Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Insaniah. *Malaysian Journal Of Education*, 45[Special Issue], 68-74.
- Siti Fardaniah, A. A. (2018). Bagaimana Organisasi Boleh Memotivasi Pekerja Untuk Belajar Dalam Latihan: Persepsi Ahli Akademik. *Jurnal Akademika*, 88(2), 5-20. <Https://Doi.Org/10.17576/Akad-2018-8802-01>
- Siti Shuhaila, M.N. (2018). Hubungan Di Antara Motivasi, Persekutaran Kerja, Kerja Berpasukan, Dan Kepimpinan Terhadap Kepuasan Kerja: Kajian Di Kalangan Staf Uniutama Property Sdn. Bhd. Projek Sarjana Universiti Utara Malaysia [Unpublished Thesis]. [Https://Etd.Uum.Edu.My/7320/1/S820215\\_01.Pdf](Https://Etd.Uum.Edu.My/7320/1/S820215_01.Pdf)
- Yaacob, Y. & Ahmad, R. (2019). Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Interaksi Dan Integriti (2ICAMP) Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) Di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research*, 1(July), 127-154
- Zahari, Z., & Omar, M. K. (2021). Pendekatan Kebolehsuaian Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional Di Selangor. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities*, 6(1), 52-60. DOI: <Https://Doi.Org/10.47405/Mjssh.V6i1.612>
- Zakaria, S., Amir, R., Azman, N., & Daud, M. N. (2017). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Pengajian Islam. *Ulum Islamiyah: The Malaysian Journal Of Islamic Sciences*, 19 [Special Edition], 89-108. DOI: <Https://Doi.Org/10.33102/Uij.Vol19no.49>